

17 DEC 1998

Lim-akta/I

AKTA PEKERJA DIPINDA BAGI WAJIBKAN MAJIKAN HORMATI CUTI KHAS

LANGKAWI, 17 Dis (Bernama) -- Akta Pekerja 1955 akan dipinda bagi mewajibkan majikan mematuhi pemberian cuti khas yang diumumkan kerajaan berhubung sesuatu peristiwa kejayaan negara.

Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek hari ini berkata pindaan itu sedang disediakan oleh Jabatan Buruh.

"Pada masa ini, kita hanya boleh merayu majikan memberikan cuti itu, yang jarang sekali diberikan, kerana dari segi undang-undang kita tidak boleh memaksa mereka berbuat demikian," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan tiga tahun sekali Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW), di sini.

Beliau mengulas gesaan Setiausaha Agung NUPW G.Sankaran, ketika berucap di majlis itu, supaya kerajaan mengambil tindakan terhadap majikan yang tidak menghormati pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai cuti khas berikutan kejayaan penganjuran Sukan Komanwel ke 16 Sept lepas.

Mengenai pekerja estet yang menghadapi masalah perumahan, Lim berkata kementerian akan membentangkan kertas kerja kepada Kabinet bagi mendapatkan perakuannya berhubung perkara itu.

"Cadangan kami kepada majikan estet ialah sama ada pekerja mereka diberi unit kos rendah dengan subsidi selepas tanah estet itu dibangunkan atau memperuntukkan sekurang-kurangnya satu lot tanah dengan infrastruktur asas untuk mereka," katanya.

Berdasarkan laporan NUPW, lebih 2,000 pekerja estet di Semenanjung tidak mempunyai kediaman yang sempurna berikutan tanah estet digunakan untuk tujuan lain.

Lim juga mendedahkan tindakan sesetengah badan bukan kerajaan (NGO) yang menghasut para pekerja estet membuat tuntutan tanpa mengetahui hujung pangkal sesuatu tuntutan itu.

Menurutnya NGO berkenaan sering mengeluarkan kenyataan yang mengkritik amalan di sektor perladangan sebelum "menghilangkan diri" apabila kementerian cuba mendapatkan penjelasan daripada mereka.

Lim berkata kadar pekerjaan juga masih terkawal walaupun negara mengalami kegawatan ekonomi memandangkan bilangan kerja kosong yang banyak berbanding negara-negara jiran lain.

-- BERNAMA

NH NAK